

09/05/2003

The Economist 'sampah' (HL)

Hishamuddin Aun; Kadir Dikoh; Nor Liza Ahmad

BINTULU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menegaskan, rakyat negara

ini dapat menilai laporan majalah The Economist yang sarat dengan kebodohan dan berniat jahat terhadap Malaysia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri percaya rakyat dapat membezakan antara 'sampah' dengan bahan bacaan bermanfaat dan kerana itu, kerajaan tidak bercadang mengharamkan pengedaran majalah itu di negara ini.

"Terdapat orang bodoh yang masih lagi membaca The Economist, tetapi saya

percaya rakyat Malaysia lebih cerdik. Mereka dapat membezakan apabila majalah itu berbohong dengan perkara benar yang dilaporkan.

"Mereka juga dapat membezakan sampah. Ini (rencana khas mengenai Malaysia) adalah sampah semata-mata," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks LNG Bersepadu Petronas di Tanjung Kidurong di sini, semalam.

Ini adalah sidang akhbar dan acara rasmi pertama Dr Mahathir selepas beliau kembali bertugas daripada bercuti selama dua bulan, Isnin lalu.

Majalah The Economist edisi 5-11 April lalu menyiarkan rencana khas oleh

Christopher Lockwood bertajuk Changing of Guard: Survey of Malaysia yang antara lain memperlekehkan kepemimpinan Dr Mahathir.

Selain meramalkan matlamat Wawasan 2020 akan gagal, Lockwood yang berada

kira-kira sebulan di Malaysia bagi menulis laporan itu, turut menyimpulkan

sumbangan terbaik yang boleh diberikan Dr Mahathir ialah dengan berundur walaupun Perdana Menteri sudah mengumumkan persaraannya Oktober nanti.

Dr Mahathir berkata, jika The Economist benar-benar ikhlas, ia sepatutnya memberi pujian kepada Malaysia kerana negara ini mencatat kemajuan jauh lebih baik daripada negara lain yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama.

"Mereka tidak berpuas hati. Mereka suka melihat kita berbalah sesama sendiri seperti di Afrika. Tidak ada gunanya untuk meyakinkan mereka mengenai apa-apa saja. Sikap orang putih lebih pandai daripada orang sawo matang," katanya.

Perdana Menteri berkata, The Economist juga tidak mempunyai sebarang kata-kata baik terhadap beliau.

"Biarlah dia laga orang. Saya tidak akan menjawab perkara yang bodoh macam ini," katanya.

Beliau berkata, sesiapa saja yang mengikuti edisi terdahulu majalah itu

akan mendapati apa yang dibimbangkan penulisnya dan ramalan mengenai Malaysia terbukti meleset.

"Saya andaikan apa juga yang ia (The Economist) ramalkan terhadap negara

lain juga silap. Malah, apa yang mereka ramalkan mengenai Britain juga tidak tepat.

"Ini kerana mereka tidak melaporkan. Apa yang mereka berminat lakukan ialah memperlekehkan rakyat dan negara lain di samping bersifat kritikal kerana hanya dengan cara itu, majalah bodoh ini akan terjual," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan kakitangan Petronas kerana perolehan ilmu dan kemahiran yang cepat untuk menjadikan perbadanan minyak negara itu sebagai pemain antarabangsa.

Kompleks LNG Bersepadu Petronas berharga RM16.6 bilion itu menempatkan tiga loji iaitu Malaysia LNG Sdn Bhd, Malaysia LNG Dua Sdn Bhd dan Malaysia LNG Tiga Sdn Bhd dengan keupayaan mengeluarkan 23 juta tan gas cecair asli setahun.

Perdana Menteri berkata, dengan siapnya loji Malaysia LNG Tiga, Malaysia akan mengatasi Algeria sebagai pengeluar LNG kedua terbesar di dunia.

"Kompleks LNG Petronas telah memperoleh nama baik kerana mempunyai kemudahan pengeluaran LNG terbesar dunia di dalam satu lokasi tunggal.

"Sesungguhnya, kompleks LNG Petronas ini kini menjadi satu lagi contoh cemerlang wawasan yang dicapai daripada aspirasi negara untuk menjadi realiti hasil kepercayaan yang sama di kalangan rakyat Malaysia bahawa kita boleh melakukannya," kata beliau.

Sementara itu, dalam sidang akhbar yang sama, Dr Mahathir berkata Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi 'lulus dengan cemerlang' sepanjang memangku jawatan Perdana Menteri selama dua bulan berakhir Ahad lalu.

Perdana Menteri berkata, bakal penggantinya itu memikul tanggungjawab tanpa bergantung kepada arahnya.

Menjawab soalan wartawan NST mengenai prestasi Abdullah sepanjang dua bulan itu, yang disambut gelak ketawa, Dr Mahathir berkata:

"Beliau menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Saya boleh mengesahkan sepanjang saya bercuti, beliau tidak menelefon saya untuk bertanya apa yang harus dilakukan. Beliau memilih untuk meneruskan tugasnya atas budi bicara sendiri walaupun beliau ada melaporkan beberapa perkara kepada saya.

"Saya berpendapat beliau menjalankan tugasnya dengan amat baik sepanjang dua bulan itu. Alangkah baik jika cuti saya lebih panjang," katanya.

Ditanya bagaimana acara penyerahan kuasa akan dilakukan dan sama ada ia

berlaku pada 1 November ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai keperluan perundangan dan protokol mengenai perkara itu.

"Tetapi hakikatnya, menjelang akhir Oktober, beliau (Abdullah) akan menjadi Perdana Menteri. Saya harap untuk meletak jawatan selepas mesyuarat OIC tetapi saya diminta untuk kekal oleh beberapa negara asing kerana saya terpaksa menghadiri beberapa mesyuarat penting," katanya.